



HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini.

Anda juga dinasihatkan supaya membaca terma dan syarat am yang tertera di dalam Surat Tawaran.

Dapatkan penjelasan dari kami sekiranya anda tidak memahami mana mana bahagian dari dokumen ini atau terma dan syarat am.

NAMA PRODUK:

PEMBIAYAAN HARTANAH & PERNIAGAAN-i (SME PBF-i)

TARIKH:

[Tarikh helaian ini diberikan kepada pelanggan untuk diisi oleh Staf]

1. APAKAH MAKLUMAT BERKENAAN DENGAN PRODUKINI?

- a) Pembiayaan Hartanah & Perniagaan-i (SME PBF-i) adalah kemudahan pembiayaan yang disokong oleh asset (bercagar ke atas Aset/Hartanah Komersil/Industri/Rumah/Tanah Kosong) yang ditawarkan kepada pelanggan berprofilan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
- b) Kemudahan yang ditawarkan adalah untuk tujuan berikut:
 - Pengambilalihan asset: Pembiayaan pembelian hartanah komersil / industri
 - Pembiayaan modal kerja untuk perniagaan
 - Pembiayaan Perbelanjaan Modal (CAPEX)
 - Pembiayaan semula dan pembiayaan gadai janji dari hartanah yang bebas daripada bebanan / hutang
 - Pengeluaran semula (hanya untuk pelanggan sedia ada Maybank Islamic)
 - Pembiayaan untuk penilaian aset, yuran guaman dan Perumahan Berkurangan Berjangka Takaful (MRTT),Duti Setem, Keyman Takaful dan lain lain Kredit Takaful
- c) Kadar pembiayaan (harga / keuntungan) yang dikenakan untuk produk ini adalah dikira berdasarkan kadar berubah dan aset yang ditawarkan akan diambil sebagai cagaran / jaminan untuk pembiayaan.
- d) Pembiayaan Hartanah & Perniagaan-i boleh didapati dalam bentuk Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i (CMTF-i), Kemudahan Tunai-i (CL-i) atau gabungan CMTF-i dan/atau CL-i dengan Kemudahan Perdagangan-i.

2. APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN?

Kontrak Syariah yang digunakan untuk Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i dan Kemudahan Tunai-i ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui aturan Tawarruq (Komoditi Murabahah). Ia adalah kaedah jualan dengan harga penambahan di mana Pelanggan membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusniaga jualan antara Pelanggan dan Bank merupakan komoditi khusus patuh Syariah yang boleh diniagakan.

- a) Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, pihak Bank memperoleh/membeli komoditi patuh Syariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan Pelanggan.
- b) Pihak Bank kemudian menjual komoditi kepada Pelanggan dengan Harga Jual Bank yang terdiri daripada harga komoditi campur margin/keuntungan bank. Pelanggan membayar secara bertahap dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- c) Pelanggan kemudian melantik pihak Bank sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) demi meraih wang.
- d) Pihak Bank, sebagai wakil Pelanggan kemudian menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga jual mengikut amaan pembiayaan.
- e) Hasil penjualan komoditi akan diremit kepada Pelanggan, penjual atau pihak berkepentingan mengikut terma dan syarat pembiayaan.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan pembiayaan ini, pada setiap masa Bank menjadi ejen tidak ekslusif bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan ini.

Kontrak Syariah yang digunakan untuk Pertukaran Matawang Asing-i adalah Wa'd dan Bai' Al-Sarf. Ia adalah perjanjian oleh pelanggan untuk membeli atau menjual matawang, dengan pertukaran matawang asing lain pada tarikh hadapan yang telah ditetapkan berdasarkan kadar pertukaran yang telah dipersetujui.



Kontrak Syariah yang digunakan untuk Kemudahan Perdagangan-i adalah:

Kontrak Syariah	Definisi
<i>Wakalah (Wakil)</i>	Kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai wakil (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran.
<i>Murabahah Purchase Orderer (MPO)</i>	“MPO” adalah aturan di mana pemesan belian (pembeli) berjanji (wa`d) untuk membeli aset yang dikenal pasti dan dinyatakan daripada penjual atas terma Murabahah bila mana penjual sudah memperoleh asset tersebut.
<i>Bai’ Dayn (Perdagangan Hutang)</i>	Kontrak perdagangan hutang daripada aktiviti perniagaan yang patuh Syariah.
<i>Kafalah (Jaminan)</i>	Kontrak yang melibatkan sebarang bentuk jaminan yang diberikan oleh pemberi/penanggung jaminan (kafil) kepada pihak ketiga atas kewajipan yang harus ditunaikan pihak yang ditanggung/dijamin (makful anhu).

3. APAKAH YANG BOLEH SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUKINI?

Jumlah Amaun Pembiayaan	Maksima: RM5,000,000 (Jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah atas budi bicara pihak Bank)	
Margin Pembiayaan	Sehingga 150% dari harga asset/hartanah	
Tempoh Pembiayaan	Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i (CMTF-i), Kemudahan Tunai-i (CL-i)	Sehingga 25 Tahun Bayaran balik atas permintaan
	Surat Kredit-i (LC-i), Resit Amanah-i (TR-i), Pembiayaan Invois-i (IF-i)	Maksima sehingga 180 hari
	Bil Penerimaan-i (AB-i)	Maksima sehingga 120 hari
	Jaminan Bank-i (BG-i)	≤ 12 bulan
	Pertukaran Matawang Asing-i (PFX-i)	Tidak Berkennaan
Tujuan	Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i (CMTF-i), Kemudahan Tunai-i (CL-i)	Untuk kegunaan Modal Kerja
	Surat Kredit-i (LC-i), Resit Amanah-i (TR-i),	Untuk pembelian tempatan / pengimportan
	Bil Penerimaan-i (AB-i)	Untuk tukaran dipihak kami / Usans kami / Tukaran Bil Tempatan untuk kutipan kepada kami
	Pembiayaan Invois-i (IF-i)	Untuk pembelian tempatan / pengimportan atau jualan tempatan dari residen/bukan residen di bawah pengumpulan/LC-i/syarat akaun terbuka
	Jaminan Bank-i (BG-i)	Untuk terbitan kewangan / prestasi jaminan bank
	Pertukaran Matawang Asing-i (PFX-i)	Untuk melindungi nilai mata wang daripada urusniaga tukaran asing
Harga / Kadar Keuntungan Efektif	<p>Kiraan bagi pembayaran ansuran bulanan adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif.</p> <p>Kadar Keuntungan Efektif di atas boleh diubah pada bila-bila masa oleh pihak Bank dengan memberikan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis bertulis sebelum tarikh pelaksanaan dengan syarat bahawa ia tidak akan melebihi Kadar Keuntungan Siling.</p> <p><u>Pembiayaan untuk Modal Kerja yang di ambil di bawah dana BNM</u></p> <p>BNM Fund - All Economic Sectors (FAES), sebelum ini dikenali sebagai <i>Fund for Small and Medium Industries 2-i (FSMI2-i) / New Entrepreneur Fund 2-i (NEF2-i)</i> adalah bagi tujuan pembiayaan untuk modal kerja dan hanya dimaksudkan untuk Pelanggan yang layak.</p>	



	Tempoh Pembiayaan BNM	Tempoh maksima: 5 tahun berkuatkuasa dari tarikh pengeluaran pertama dari BNM
	Kadar Keuntungan Efektif	5 tahun pertama: Berdasarkan Kadar Pembiayaan BNM Selepas itu: Berdasarkan Kadar Komersial
	Jaminan Perlindungan Credit Guarantee Corporation (CGC)	Untuk pembiayaan tanpa cagaran atau cagaran yang tidak mencukupi, anda boleh memohon perlindungan CGC di bawah Skim Jaminan Flexi (FGS)

Nota:

- Tertakluk kepada kelulusan BNM dan adanya dana skim BNM.
- Kadar Pembiayaan BNM semasa adalah 0.50% setahun.

Harga Jualan Bank	Kadar Pembiayaan Asas (KPA) semasa adalah 6.65% setahun efektif dari 8 Mei 2023.	
	Jika Kadar Keuntungan Efektif	Maka Kadar Keuntungan Siling
	KPA + (< 3.00%)	KPA + 4% atau 10%, mana yang tinggi

Perbankan dalam Talian	1) SME First Account	
	2) Kad komersil Islamik	
	3) M2u.biz / M2u	

4. BOLEHKAH SAYA MEMILIH UNTUK PENYERAHAN SECARA FIZIKAL KOMODITI TERSEBUT? APAKAH KOS YANG TERLIBAT?

Anda boleh memilih untuk penyerahan secara fizikal tertakluk kepada terma dan syarat oleh pihak Bank. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk pernyerahan secara fizikal komoditi tersebut perlu ditanggung oleh anda.

5. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i

- Membuat pembayaran keuntungan bulanan pembiayaan sebelum pengeluaran pembiayaan penuh dikeluarkan oleh pihak Bank
- Membuat pembayaran ansuran bulanan setelah pengeluaran pembiayaan penuh dikeluarkan oleh pihak Bank

Pembayaran kemudahan ini adalah dalam bentuk ansuran bulanan. Ia dikira berdasarkan kadar keuntungan semasa, tempoh kemudahan dan kos baki pembiayaan tertunggak. Pembayaran jumlah ansuran akan bermula setelah pengeluaran kemudahan dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak Bank.

Bayaran Ansuran Bulanan*	RM _____ (bayaran ke atas jumlah asas kemudahan dan keuntungan)
Jumlah Keseluruhan yang Perlu Dibayar*	RM _____ (termasuk jumlah asas kemudahan)

Contoh illustrasi:

- Harga/ Kadar Keuntungan Efektif : KPA -1.90% setahun
 Jumlah Pembiayaan : RM1,000,000
 Tempoh Pembiayaan : 20 Tahun

Kadar Keuntungan Efektif	Hari Ini (KPA=6.65%) i.e. 6.65% -1.90%	Sekiranya KPA meningkat 1% i.e. 7.65% -1.90%	Sekiranya KPA meningkat 2% i.e. 8.65% -1.90%
Bayaran Ansuran Bulanan	RM6,462.24	RM7,020.84	RM7,603.64
Jumlah Keuntungan untuk 5 Tahun	RM550,936.71	RM685,000.42	RM824,873.62
Jumlah Keseluruhan Ansuran yang Perlu Dibayar untuk 5 Tahun	RM1,550,936.71	RM1,685,000.42	RM1,824,873.62

- Bank berhak membuat potongan sebanyak sebulan ansuran bulanan daripada jumlah kemudahan anda yang telah diluluskan sebagai bayaran pendahuluan ansuran bulanan. Bank akan menggunakan bayaran pendahuluan tersebut sebagai bayaran kepada sebarang hutang anda yang tertunggak berkaitan dengan kemudahan yang diluluskan oleh Bank pada bila-bila masa sepanjang tempoh pembiayaan.

Nota: Bayaran ansuran bulanan dan jumlah keseluruhan yang perlu dibayar mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan kepada Kadar Pembiayaan BNM dan/atau KPA dengan syarat, jumlah bayaran yang dibuat ke atas pembiayaan tidak melebihi Harga Jualan Bank. Pihak bank akan memaklumkan anda amanansurans yang baharu dalam jangka masa dua puluh 21 hari kalender sebelum tarikh pelaksanaan.



Kemudahan Tunai-i

- A. Bayaran keuntungan bulanan adalah berdasarkan jumlah yang telah digunakan.
B. Bayaran keuntungan bulanan* akan dikira secara harian berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif, baki tertunggak dan bilangan hari bagi penggunaan dalam sebulan.

Terdapat dua jenis pembayaran:

Bayaran Keuntungan Bulanan *	RM _____ (Keuntungan)
Bayaran Prinsipal**	Dengan pengurangan had bulanan / suku tahunan / setengah tahun / tahunan atau pembayaran sekali gus sehingga semua amaun di bawah kemudahan itu dibayar sepenuhnya dalam tempoh kemudahan.

Nota:

- * Bayaran keuntungan bulanan yang perlu dibayar mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan kepada Kadar Pembiayaan BNM dan/atau KPA.
- ** Seperti yang diluluskan oleh pihak Bank.

Kemudahan Perdagangan-i

Contoh ilustrasi:

Kemudahan: Resit Amanah-i

$$\begin{aligned} IV &= RM100,000 \\ r &= 8.40\% \text{ setahun} (6.65\% + \text{kadar Keuntungan Purata } 1.75\%) \\ t &= 60 \text{ Hari} \end{aligned}$$

$$FV = IV \left(1 + \frac{r \times t}{365} \right)$$

Dimana,

$$\begin{aligned} FV &= \text{Nilai Hadapan atau Harga Jual atau Nilai Matang} \\ IV &= \text{Nilai Invois atau Harga Beli} \\ r &= \text{Kadar Keuntungan Setahun} \\ t &= \text{Tempoh Pembiayaan} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} FV &= RM100,000 \left(1 + \frac{60 \times 8.40\%}{365} \right) \\ &= RM 101,380.82 \end{aligned}$$

6. BERAPAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU DIBAYAR?

Duti Setem	Sebagaimana yang tercatat didalam Akta Setem 1949 (semakan semula pada 1989).
Yuran Perdagangan	Berhubung dengan transaksi Komoditi Murabahah, Pelanggan hendaklah membayar kepada pihak Bank yuran perdagangan sebanyak RM15 bagi setiap RM1.0 juta Amaun Kemudahan atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
Cukai	Tertakluk kepada cukai dan levi sedia ada dan akan datang yang ditetapkan mengikut undang undang.
Lebihan dari Kemudahan Tunai-i	Lebihan berlaku jika amaun yang anda gunakan melebihi Had Pengunaan maksimum Kemudahan Tunai-i yang dibenarkan. Semua jumlah lebihan mesti dibayar dalam masa dua puluh empat (24) jam. Sekiranya anda gagal menyelesaikan jumlah lebihan dalam masa dua puluh empat (24) jam, Caj Pembayaran Lewat (LPC) akan dikenakan ke atas jumlah lebihan dari hari akaun anda berlaku lebihan.
Lain-lain Yuran	Semua kos dan perbelanjaan seperti yuran guaman atau lain-lain caj yang terlibat dalam penyediaan dokumen, penyempurnaan dokumen sekuriti pihak bank dan pengeluaran pembiayaan.
Yuran Pengendalian (Terpakai untuk IF-i)	Yuran pengendalian sebanyak RM50 untuk setiap transaksi.

Nota: Tertakluk kepada pematuhan Syariah, dua puluh satu (21) hari kalendar notis bertulis akan diberikan kepada anda sekiranya terdapat perubahan kepada yuran dan caj yang perlu di bayar dan perubahan tersebut akan berkuatkuasa dari tarikh yang di nyatakan dalam notis tersebut.



7. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI KEWAJIPAN SAYA?

Caj Lewat Bayar	A. Bahwasanya ditetapkan pihak Bank mempunyai hak untuk pampasan atas bayaran bulanan lewat dan/atau kemungkiran bayaran, berlandaskan mekanisma seperti di bawah: I. <u>Bayaran Tertunggak</u> Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh bermulanya kemudahan dikeluarkan sehingga tarikh matang, caj pembayaran lewat akan dikenakan sebanyak 1% setahun ke atas amaun yang tertunggak atau cara lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). II. <u>Apabila Matang/Penghakiman (yang mana terdahulu)</u> Sekiranya anda gagal untuk membayar sebarang amaun tertunggak sehingga melebihi tarikh matang kemudahan atau dikenakan tindakan penghakiman, kadar harian pasaran kewangan Interbank Islam (IIIM) akan dikenakan di atas kegagalan membayar jumlah baki tertunggak dan perlulah dibayar atau menggunakan kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa. B. Caj pembayaran lewat yang dicaj tidak akan dikompaunkan kepada baki pembiayaan tertunggak.
Tindakan Undang Undang	Tindakan undang-undang mungkin diambil terhadap anda sekiranya berlakunya kejadian dibawah: <ul style="list-style-type: none">• Anda gagal membuat bayaran ansuran bulanan• Anda gagal atau tidak respon kepada notis notis peringatan• Sebarang tindakan undang-undang yang difaikkan terhadap anda boleh menjasikan taraf kredit, justeru kredit akan menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda pada masa hadapan. Anda akan diberi notis sebelum sebarang tindakan undang-undang diambil oleh Bank.
Hak Untuk Tolak-Selesai	Pihak Bank berhak untuk menggabungkan semua atau mana-mana baki kredit dalam akaun anda dengan pihak Bank, untuk melunaskan apa sahaja tunggakan dan liabiliti dengan memberi notis tujuh (7) hari kalender terdahulu kepada anda. Pihak Bank akan memperuntukkan dana yang terdapat di dalam akaun anda terhadap baki pembiayaan ketika notis dikeluarkan kepada anda.
Kadar Kemungkiran	Jika berlaku kemungkiran selama (3) bulan berturut-turut dalam sebarang pembayaran tertunggak atau akaun anda melebihi had tiga (3) bulan berturut-turut dibawah pembiayaan ini, pihak Bank berhak untuk menaikkan margin keuntungan bagi kadar keuntungan efektif kepada Kadar Pembiayaan Asas + 2.5% setahun atau 1.0% setahun keatas kadar keuntungan efektif (jika kadar keuntungan efektif ialah Kadar Pembiayaan Asas + 2.5% setahun atau lebih), ("kadar kemungkiran") akan dikenakan pada jumlah yang tertunggak atau kadar keuntungan lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa. Pihak Bank akan memberi anda notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum membuat sebarang perubahan pada Kadar Kemungkiran atau kadar yang lain. Kadar Kemungkiran akan terus digunakan melainkan anda mengurangkan bayaran tertunggak anda kepada kurang daripada tiga (3) bulan di mana Kadar Keuntungan Efektif semasa akan dikembalikan semula. Dengan syarat bahawa kenaikan tersebut tidak akan menyebabkan jumlah pembayaran melebihi Harga Jualan Bank.

8. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TEMPOH MATANG?

Tempoh Tertutup untuk Penyelesaian Awal	Tiada.
Yuran Penyelesaian Awal	Tiada.
Rebat (Ibra')	Jika anda menjelaskan sepenuhnya pembiayaan anda sebelum tempoh matang: <ul style="list-style-type: none">• Anda perlu membayar baki tertunggak, keuntungan bulanan semasa dan sebarang jumlah yang perlu dibayar dan perlu dibayar kepada Bank.• Tiada yuran penyelesaian awal akan dikenakan.



Pihak Bank akan memberi rebat (*Ibra'*) kepada pelanggan dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:

- (a) Pelanggan membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang terbit dari bayaran awal;
- (b) Sekiranya ansuran bulanan berlaku awal sebelum berakhirnya tempoh pembayaran keuntungan (untuk pembayaran berkala);
- (c) Sekiranya kadar keuntungan efektif lebih rendah dari kadar keuntungan siling; dan
- (d) Sekiranya jumlah pengeluaran sebenar adalah rendah dari Jumlah Kemudahan.

Sebagai penjelasan, rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi didatangkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan ansuran kemudahan pembiayaan tersebut. Rebат berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh Bank berdasarkan formula di bawah:

Baki Harga Jualan	tolak	Baki Kemudahan	tolak	Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank
----------------------	-------	----------------	-------	--

Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk contoh ilustrasi mengenai pengiraan dan penyelesaian berdasarkan formula *Ibra'*.

Pergi ke Home > Announcements > Bank Negara Malaysia's Guideline on *Ibra'* (Rebate) for Sale-Based Financing.

9. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN SEBARANG PERLINDUNGAN TAKAFUL?

Ya, anda disarankan untuk mengambil perlindungan Takaful berikut (tetapi tidak terhad kepada) bagi melindungi anda/ pemilik perniagaan/pengarah urusan /pengurus bersama/rakan kongsi/pemilik persendirian sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal:

- a) Perlindungan Perumahan Berkurangan Takaful (MRTT),
- b) Perlindungan Peribadi Berkurangan Takaful (PRTT), dan
- c) Perlindungan OD Takaful Plus.

10. APAKAH RISIKO UTAMA?

Perlu diingatkan bahawa kadar keuntungan efektif boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut perubahan dalam Kadar Pembiayaan BNM dan/atau Kadar Pembiayaan Asas. Peningkatan dalam kadar keuntungan efektif boleh menyebabkan bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran, sila hubungi kami lebih awal untuk berbincang mengenai kaedah alternatif bayaran.

11. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT KEPADA BUTIR-BUTIR PERHUBUNGAN SAYA?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda dapat dihubungi atau menerima surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini butir-butir perhubungan anda, sila hubungi kami melalui surat menyurat atau hubungi kami melalui salah satu rangkaian sebagai contoh: M2U atau lawati cawangan asal anda.

12. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?

- i) Jika anda mempunyai masalah dalam membuat pembayaran, anda perlu menghubungi kami secepat yang mungkin untuk berbincang mengenai pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi kami di:

Nama Cawangan : _____

Alamat : _____

Tel/Faks : _____ E-mel : _____

- ii) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturkan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:



Tingkat 5 and 6
Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350, Kuala Lumpur
Tel: +603 2616 7766 Website: www.apk.org.my

- iii) Sekiranya anda ingin mengadu mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di cawangan asal:
- atau;
- Talian Bantuan Pelanggan
Tel: 1-300-88-6688 (Tempatan) , 603 - 78443696 (Luar Negara)
E-mel: mgcc@maybank.com.my
- iv) Jika anda tidak berpuas hati dengan cara kami menjawab pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia link atau telelink di:
- Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465
Faks : 03-21741515 E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

13. DI MANA BOLEH SAYA MENDAPATKAN MAKLUMAT TAMBAHAN?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Cawangan Maybank/Maybank Islamic:
Alamat :
Tel :
E-Mel:

14. ADAKAH SKIM LAIN YANG DITAWARKAN OLEH SME?

Ya. Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk Skim SME yang lain.

PENAFIAN TUNTUTAN

Maklumat serta terma dan syarat am yang dinyatakan di dalam helaian maklumat produk ini adalah bagi tujuan memberi maklumat dan tidak terikat kepada pihak Bank. Terma dan syarat muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran selepas penilaian kredit dan kelulusan akhir oleh pihak Bank.

NOTA PENTING:

PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN.

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Pendedahan ini sah pada September 2024 dan akan sah sehingga penambahbaikan berkala berikutnya.



Maybank
Islamic

Pengakuan Pelanggan

Saya mengakui bahawa penjelasan yang mencukupi telah diberikan oleh pegawai bank kepada saya mengenai syarat-syarat penting dalam dokumen ini.

Saya mengaku telah membaca dan faham isi kandungan Helaian Maklumat Produk ini.

[*Untuk Perkongsian/Pemilikan Tunggal]

[*Untuk Syarikat]

.....
Setem Perniagaan
Nama Penandatangan yang Sah:
Nombor Kad Pengenalan:
Tarikh:

.....
Penandatangan yang Sah dan Setem Perniagaan
untuk <*Syarikat/Nama Pelanggan>
Nama:
Nombor Kad Pengenalan:
Tarikh: